

Karnival Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK)



Johor Bahru, 27 Hingga 28 September 2025 – Karnival Kebolehpasaran Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) adalah program tahunan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bertujuan memberi pendedahan kepada murid Pendidikan Khas dalam bidang kemahiran, kreativiti, inovasi dan bakat seni. Pada tahun 2025, karnival ini telah berlangsung pada 27 hingga 28 September 2025 bertempat di Toppen Shopping Centre, Johor Bahru, Johor.

Kontinjen Wilayah Persekutuan Labuan telah mengambil bahagian dalam beberapa acara pertandingan yang dianjurkan antaranya Pertandingan Nyanyian Solo, Pertandingan Dekorasi Kek, Pertandingan Anyaman Kreatif Tudung Saji, Pertandingan Aerodance, Pertandingan Inovasi Kemahiran, Pertandingan Reruai Kemahiran dan Pertandingan

Poster Digital.

Penyertaan kontinjen Wilayah Persekutuan Labuan dalam Karnival Kebolehpasaran MBPK 2025 telah mencapai objektif utama iaitu memberi ruang dan peluang kepada murid pendidikan khas memperlihatkan bakat serta kebolehan masing-masing. Semangat kesukanan, kreativiti, keyakinan diri dan daya saing yang ditonjolkan menjadi bukti bahawa MBPK juga mampu berdikari, berdaya cipta dan berdaya saing di peringkat kebangsaan.

Adalah diharapkan pengalaman ini dapat dijadikan pendorong kepada murid, guru serta semua pihak dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran MBPK pada masa hadapan.

[#jpwpl](#)

[#7TerasKPM](#)

[#MalaysiaMADANI](#)

[#PendidikanManusiawi](#)

[#TaatSetia](#)



